

03 JUN 2000

T.Kemang-Fong

GAJI BULANAN PEKERJA LADANG DILAKSANA TAHUN INI

PORT DICKSON, 3 Jun (Bernama) -- Kerajaan hari ini memberi jaminan pelaksanaan gaji bulanan kepada para pekerja ladang bukan hanya janji manis, tetapi akan dilaksanakan tahun ini, kata Menteri Sumber Manusia Datuk Fong Chan Onn.

Katanya, kerajaan berhasrat melaksanakannya secepat mungkin dan tidak timbul soal ia mahu melengah-lengahkannya sebagaimana yang diperkatakan oleh sesetengah pihak.

"Diharap ia dilaksanakan tahun ini, secepat mungkin," katanya ketika ditanya pemberita bila gaji bulanan itu akan dinikmati oleh hampir 300,000 pekerja sektor perladangan.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan bahawa Kabinet pada dasarnya telah bersetuju dengan pelaksanaan gaji bulanan itu, yang telah diperjuangkan oleh para pekerja ladang hampir 30 tahun.

Dr Mahathir berkata kerajaan kini sedang mengkaji apakah jumlah yang harus ditetapkan sebagai gaji bulanan. Cadangan pelaksanaan gaji bulanan itu dibawa ke Kabinet oleh Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu dan Fong.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis anjuran Persatuan Murid-Murid Tua Sekolah Jenis Kebangsaan Chung Pin Pasir Panjang, di sini malam ini, Fong berkata pengumuman itu bukanlah semata-mata janji menjelang pilihan raya kecil Teluk Kemang pada 10 Jun ini.

Fong berkata kerajaan sedar pengorbanan dan sumbangan para pekerja ladang terhadap kemajuan sektor perladangan dan ekonomi negara, dan sudah sampai masanya mereka diberi pengiktirafan.

Katanya, kementerian kini sedang menunggu hasil kajian oleh sepasukan pakar dari Universiti Malaya yang ditugaskan membuat kajian menyeluruh sistem gaji dan cara terbaik pelaksanaannya.

Fong berkata kajian itu dijangka siap menjelang hujung bulan ini dan cadangan mereka akan dikemukakan kepada Kabinet untuk kelulusan.

"Selepas itu kita akan bincang dengan majikan bagaimana ia akan dilaksanakan. Ini semua menunjukkan apa yang kita hendak lakukan adalah benar dan bukan kata-kata sahaja," katanya.

-- BERNAMA

AR RI